

LAPORAN PENGGUNAAN TENAGA CANSITORI & HAL EHWAL PELAJAR (HEP) BAGI TAHUN 2021

Berdasarkan kepada Laporan Ringkasan Penggunaan Tenaga Elektrik 2021 yang dikeluarkan oleh Pejabat Keselamatan Pekerjaan dan Kelestarian Alam Sekitar (KPKA).

Pada tahun 2021, jumlah keseluruhan caj semasa adalah sebanyak RM529,969.36 dengan jumlah penggunaan sebanyak 1,032,235.50 kWh/kW di bangunan Cansitori dan HEP. *Maksimum Demand (MD)* penggunaan tenaga elektrik yang tinggi adalah pada bulan April sebanyak 508.05 kWh/kW dan purata penggunaan tenaga pada bulan Disember adalah tinggi dengan sebanyak 118,054.25 kWh/kW. Manakala caj semasa yang tinggi adalah pada bulan Disember dengan kos sebanyak RM56,973.26. Jadual dibawah menunjukkan perbandingan secara keseluruhan bagi Caj Semasa, Kegunaan (kWh) dan Kehendak Maksima di bangunan Cansitori & HEP pada tahun 2021.

Laporan Penggunaan Tenaga Cansitori & HEP 2021


BULAN	CAJ SEMASA	KEGUNAAN (kWh/kW)	MD(kWh/kW)
JAN	RM 43,004.95	82,165.75	430.84
FEB	RM 42,401.29	80,032.75	481.93
MAC	RM 54,177.59	108,283.00	483.64
APRIL	RM 49,392.67	94,507.75	508.05
MEI	RM 43,409.10	78,746.25	484.05
JUN	RM 34,664.89	71,480.50	292.42
JULAI	RM 35,464.50	73,145.50	289.32
OGOS	RM 32,871.54	64,197.75	311.53
SEPTEMBER	RM 42,384.78	80,087.25	448.56
OKTOBER	RM 47,601.48	89,814.75	475.4
NOVEMBER	RM 47,623.31	91,720.00	482.41
DISEMBER	RM 56,973.26	118,054.25	458.2
JUMLAH	RM 529,969.36	1,032,235.50	
MAX	RM 56,973.26	118,054.25	508.05



Jadual 1 : Perbandingan secara keseluruhan bagi Caj Semasa, Kegunaan (kWh) dan Kehendak Maksima di bangunan Cansitori & HEP pada tahun 2021


Manakala Rajah 1 dan 2 adalah graf perbandingan Caj Semasa, Kegunaan (kWh) dan Kehendak Maksima penggunaan tenaga di bangunan Cansitori & HEP pada tahun 2021.

Laporan Perbandingan Penggunaan Tenaga Canselori & HEP (2020 & 2021)



Rajah 1 : Perbandingan Caj Semasa berdasarkan penggunaan tenaga elektrik di bangunan Canselori & HEP bagi Tahun 2020 dan 2021

Laporan Perbandingan Penggunaan Tenaga Canselori & HEP (2020 & 2021)



Rajah 2 : Perbandingan Kegunaan (kWh) dan Kehendak Maksima berdasarkan penggunaan tenaga elektrik di bangunan Canselori & HEP bagi Tahun 2020 dan 2021

LANGKAH- LANGKAH PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK DI BANGUNAN CANSELORI DAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

Langkah penjimatan tenaga elektrik merupakan sesuatu perkara yang sangat baik demi kelangsungan hidup generasi akan datang. Ini kerana penjanaan tenaga elektrik adalah berasaskan minyak, arang batu dan tenaga hidro yang tidak boleh diperbaharui sekiranya sumber tersebut mengalami kekurangan bekalan.

Bagi mengurangkan serta menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, pihak universiti tidak boleh hanya memandang dari aspek teknologi sahaja tetapi juga perlu melihat kepada aspek tanggungjawab pihak yang terlibat iaitu staf, pelajar, pekerja kebersihan dan pelawat. Aspek tanggungjawab akan muncul sekiranya terdapat kesedaran dalam diri pengguna namun jika keadaan sebaliknya penggunaan kemudahan teknologi moden tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Tetapi dua aspek ini digabungkan iaitu kesedaran yang tinggi di kalangan staf/ pelajar/ pekerja kebersihan dan pelawat tentang penjimatan elektrik dan penggunaan peralatan moden digunakan maka tidak mustahil dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di UTeM. Oleh itu, tenaga elektrik perlu digunakan secara cermat dan bijaksana.

Berikut adalah langkah – langkah penjimatan tenaga elektrik yang boleh dilakukan :-

1. Memadam lampu di pejabat pada waktu rehat tengahari dan waktu pulang.
2. Memadam lampu bilik / ruang tamu/ lobi bangunan dan kawasan yang diterangi dengan cahaya matahari.
3. Ruang Pejabat/ bilik-bilik Pegawai / Bilik Mesyuarat, pemasangan lampu perlu dihadkan dikawasan yang diperlukan sahaja.
4. Pastikan pintu dan tingkap pejabat sentiasa tutup kemas untuk mengelakkan udara panas dan lembab diluar masuk.
5. Lampu di Bilik Stor/Bilik Fail /Bilik Mesyuarat/Bilik Perbincangan /Bilik Temuduga/ Surau/ Pantry/Bilik Janitor/Tandas hendaklah dipadamkan dan hanya dipasang apabila ada keperluan.
6. Setkan kedudukan “ Sleep/ Standby ” pada komputer atau peralatan elektrik apabila tidak digunakan dalam jangka singkat dan matikan terus jika hendak pulang.
7. Program kesedaran seperti taklimat, ceramah dan hebahan penjimatan melalui info pengurusan tenaga dan poster penjimatan tenaga di papan kenyataan di sekitar bangunan Canselori & HEPA manakala melalui hebahan media seperti Email/ Facebook/ Whatapps PTj dan Instagram serta langkah-langkah lain yang difikirkan perlu untuk penjimatan tenaga.